

# Banyak faktor buka peluang kepada penjenayah

## Kebanjiran pekerja asing sedikit sebanyak menyumbang masalah sosial

Laporan Khas

**Ratinawati Rasidi**

ratinawati@bharian.com.my



**T**IDAK mengejutkan jika dikaitkan masalah jenayah di negara ini termasuk rompakan bersenjata, dengan kehadiran pendatang asing tanpa izin.


Jumlah pendatang asing tanpa izin yang kian meningkat saban tahun sudah pasti mengecilkkan peluang kerja, hingga ada dalam kalangan mereka yang memasuki negara ini secara haram gagal mendapat sebarang pekerjaan.

Penganalisis Jenayah, Datuk Akhbar Satar berkata mereka (pekerja dan warga asing) terdesak melakukan perkara ini kerana memikul beban keluarga di kampung yang menagih bantuan kewangan.

“Mereka datang ke sini bukan percuma, ada yang berhutang, menggadai tanah dan harta semata-mata untuk mendapatkan pekerjaan di negara ini tetapi malangnya apabila sampai ke sini ada antara mereka yang ditipu.

“Tidak dibayar gaji dan kebanyakan mereka ialah pekerja binaan yang dibayar gaji hari. Berapa sangat gaji yang mereka peroleh, tekanan ini menyebabkan mereka tidak mempunyai pilihan melainkan merompak,” katanya yang mengakui kebanjiran pekerja dan warga asing sedikit sebanyak menyumbang kepada masalah sosial seperti rompakan.

Rakan senegara yang pernah me-



*Kita kekurangan anggota keselamatan, kekurangan pakar penyiasat dalam sesuatu bidang dan ada antaranya kurang minat untuk bekerja. Apabila kurang minat untuk menyiasat ini menunjukkan mereka tidak berdisiplin, lebih memburukkan lagi bila mereka tidak mempunyai kepakaran untuk menyiasat sesuatu kes (jenayah) dan akhirnya kes itu terbiar tanpa ada penyelesaian*


**Akhbar Satar**  
Penganalisis Jenayah



lakukan rompakan juga mempengaruhi kelompok baru yang datang ke negara ini untuk terjebak dengan jenayah itu.

“Pujian rakan sangat kuat, mereka akan mudah terpengaruh apatah lagi dalam keadaan terdesak, mereka sanggup melakukan apa saja demi memastikan masalah mereka selesai,” katanya.

Sementara itu, Akhbar tidak menolak kebaikan dan kemurahan hati warga negara ini memberi ruang dan



peluang kepada penjenayah untuk melakukan rompakan.

“Orang kita mudah mempercayai orang luar dan mempunyai sikap ‘tidak apa’. Kurang menjaga keselamatan diri, harta dan mudah leka. Situasi sebegini membuka peluang kepada perompak untuk melakukan kerja mereka.


“Sebagai contoh, kita suka meletakkan barangan peribadi bersepah, tidak mengunci kenderaan mahupun rumah dan ada kalanya membiarkan saja pin-

tu pagar rumah terbuka. Ini adalah antara peluang keemasan yang sering ditunggu perompak,” katanya yang mengukui 80 peratus kejadian jenayah tidak dilaporkan berdasarkan kajian.

Akhbar berkata, negara ini mempunyai pelbagai bentuk undang-undang yang lengkap untuk menghukum pe-salah berdasarkan kesalahan mereka tetapi ia gagal dilaksanakan kerana pelbagai faktor.

“Antaranya kita kekurangan anggota keselamatan, kekurangan pakar pe-

# Cerita suri rum



**RONDAAN** sukarelawan penduduk atau Skim Rukun Tetangga di sesebuah taman perumahan membantu mengurangkan kejadian jenayah.

**"S**EBAIK saja berpaling selepas menjawab sapaan jiran sebelah rumah, tiba-tiba saya dihampiri seorang lelaki, saya ditolak ke bawah dan langsung tidak boleh bergerak, sebelah parang ditekan ke leher saya. Saya berusaha menenangkan diri dan dalam masa yang sama tidak mahu mengejutkan perompak, takut perkara buruk berlaku.

"Dalam keadaan itu perompak meminta wang dan merampas gelang tangan tetapi saya kata biar saya buka dan serahkan. Dia juga selak tudung mungkin mencari rantai leher tetapi saya tidak memakai pada hari itu dan apa yang pasti perompak ingin mengambil semuanya.

"Tidak berpuas hati dengan apa yang diperolehi, saya ditanya mana beg tangan, saya kata dalam kereta, awak boleh ambil tetapi jangan ganggu anak saya dan tolong pergi," kata Jamaliah (bukan nama sebenar) mangsa rompakan di taman perumahan sekitar ibu kota.

Jamaliah berkata, perompak itu tidak berseorangan, terdapat tiga orang lagi sedang menunggu di tepi jalan salah seorang pula menghalau jiran beliau dengan parang dan mengarahkannya supaya masuk ke dalam rumah kerana tidak mahu jirannya membantu beliau.

Peristiwa itu berlaku sekitar 8.15 pagi dua minggu yang lalu dan ia

# Wah lakukan rompakan di Malaysia

B/H 26/9/2011 24/25

● GAMBAR HIASAN



SEKUMPULAN perompak yang bersenjatakan parang dirakam menyerbu sebuah restoran mamak di Seksyen 15, Shah Alam, Selangor pada 28 Ogos yang lalu.

nyiasat dalam sesuatu bidang dan ada antaranya kurang minat untuk bekerja.

“Apabila kurang minat untuk menyalut ini menunjukkan mereka tidak berdisiplin, lebih memburukkan

lagi bila mereka tidak mempunyai kepakaran untuk menyalut sesuatu kes (jenayah) dan akhirnya kes itu terbiar tanpa ada penyelesaian,” katanya yang kesal dengan keadaan itu.

Pertumbuhan penduduk dan ditam-

bah dengan kedatangan pekerja dan warga asing juga memungkinkan peningkatan jenayah berlaku.

“Jika sehari dilaporkan 20 hingga 30 kes berlaku, bagaimana pegawai penyalut hendak melaksanakan tugas

jika jumlah mereka tidak mencukupi untuk mengendalikan kes terbabit,” katanya.

(Siri kedua dan terakhir Laporan Khas ini akan menyusul esok)

# ah mengenai perompak berani dedahkan muka

masih menghantui beliau. Ketika itu beliau hendak keluar menghantar anak istimewanya ke sekolah. Beliau bernasib baik kerana perompak tidak mengapa-apakan anaknya.

Jamaliah berkata, ketika itu tidak ada apa yang difikirkan melainkan menyerahkan segala apa yang ada asalkan mereka tidak mengancam nyawa beliau dan anaknya.

Perompak ternyata berani kerana menurut Jamaliah remaja lelaki yang

merompak beliau tidak mengenakan penutup muka mahupun topi keledar. Manakala tiga yang lain pula memakai topi keledar. Ini membuktikan betapa perompak semakin berani.

"Pada kebiasaannya saya begitu berjaga-jaga tetapi entah bagaimana pada hari itu saya teralpa seketika kerana menjawab sapaan jiran dan tahu-tahu saya sudah diserang," katanya.

Beliau ialah mangsa kedua selepas kejadian rompakan yang berlaku pada bulan sebelumnya di kawasan taman perumahan yang sama.

Jamaliah diserang ketika hendak menutup pintu pagar rumah. Kendaraan beliau berada di luar rumah dan anak istimewanya sedang menunggu di dalam kenderaan itu.

Pada hari itu, beliau sebenarnya bercadang menyimpan duit hari raya anak-anak dan barang kemas di bank. Semua barang itu diletakkan di dalam beg tangan. Namun beliau tidak terkilan kerana apa yang penting keselamatan anak dan diri sendiri.

Semua kejadian ini berlaku pada waktu pagi dan menurut Jamaliah kejadian yang sama juga menimpa seorang suri rumah dua hari selepas beliau dirompak.

"Saya percaya perompak adalah dari kumpulan yang sama tetapi kali ini ada enam orang bersenjatakan parang. Bila saya dengar berita ini saya dapat merasakan apa yang dilalui oleh suri

rumah itu tambahan pula ia berlaku di dalam rumah. Saya masih trauma hingga waktu ini," katanya.

Selepas dirompak, beliau dan suaminya menghubungi polis tetapi agak kecewa kerana pasukan polis tidak datang ke tempat kejadian, sebaliknya meminta beliau membuat laporan di balai polis.

"Menyedihkan kerana mereka langsung tidak datang dan agak pelik kerana hingga sekarang perkara yang sama masih berlaku dan perompak masih belum dapat dikesan," katanya yang sudah menetap di kawasan kejiranan itu selama 16 tahun.

Apa yang pasti peristiwa ini memberikan beliau satu gambaran negara kini tidak mempunyai anggota keselamatan yang mencukupi untuk mengawasi sesuatu kawasan perumahan.

Kekurangan anggota polis ini juga mengakibatkan kes rompakan seumpama ini tidak diselesaikan dengan kadar segera.

Jamaliah juga tidak menyangkal banjiriran pekerja asing dan warga asing juga menjadi punca berlakunya jenayah rompakan bersenjata sejak akhir-akhir ini.

Beliau tidak menolak kebanyakan anak-anak muda yang terbabit dengan kejadian rompakan ini bukan hanya tidak mempunyai pekerjaan malah mereka juga ada kaitan dengan ke-

tagihan dadah.

Tambahan pula senario semasa yang mana kebanyakan peluang pekerjaan direbut oleh pekerja asing yang memasuki negara ini secara sah mahupun haram memburukkan lagi keadaan.

Situasi ini sedikit sebanyak membuatkan rakyat tempatan rasa tersisih hingga ada setengahnya yang berfikir singkat mencari jalan mudah untuk mendapatkan wang hingga sanggup merompak hak orang lain.

Jamaliah menasihatkan mana-mana wanita yang berhadapan dengan keadaan sedemikian agar cuba menenangkan diri.

"Apa yang penting jangan melawan, serahkan saja apa yang kita ada dan satu perkara lagi pastikan anda tidak mengejutkan perompak kerana bila mereka terkejut mereka boleh mengancam keselamatan kita," pesan Jamaliah.

Beliau ialah antara ribuan mangsa kejadian rompakan bersenjata yang boleh dikatakan bernasib baik kerana terselamat tetapi ada juga yang malang kerana ia berakhir dengan kematian.

Pihak berkuasa bukan saja perlu mengambil tindakan malah sudah tiba masanya kemasukan pekerja dan warga asing dikawal kerana dikhuatiri kehadiran mereka dijadikan alasan dan memberi ruang untuk mereka melakukan jenayah.



*Perompak ternyata berani kerana menurut Jamaliah remaja lelaki yang merompak beliau tidak mengenakan penutup muka mahupun topi keledar. Manakala tiga yang lain pula memakai topi keledar. Ini membuktikan betapa perompak semakin berani.*

**Wanita mangsa rompakan**

